

SIARAN AKHBAR

LIMA SEKOLAH MALAYSIA AKAN BERTANDING DALAM ANUGERAH *WORLD'S BEST SCHOOLS* BERNILAI RM1 JUTA

- *Kementerian Pendidikan, Yayasan Hasanah dan Pemimpin GSL menyenarai pendek lima sekolah peneraju perubahan yang akan bertanding di peringkat dunia*

Kuala Lumpur, 15 Mac ~ Lima buah sekolah *peneraju perubahan* diMalaysia telah dipilih daripada 10,000 sekolah lain di negara ini untuk bertanding dalam anugerah pendidikan paling berprestij di dunia – Anugerah [World's Best Schools](#) oleh T4 Education (bernilai MYR1.1 juta). Sekolah-sekolah ini telah dipilih oleh para juri yang melibatkan wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Yayasan Hasanah dan Pemimpin GSL. Setiap sekolah ini telah menunjukkan perubahan kepimpinan yang mantap, yang mentransformasikan kehidupan, bukan sahaja terhadap murid mereka, tetapi juga terhadap komuniti mereka.

SK Luagan Sarawak, merupakan sebuah sekolah di kawasan luar bandar yang terdiri daripada golongan masyarakat B40, akan bertanding dalam kategori Inovasi. Ramai muridnya yang kecikiran di sekolah akibat jalan yang ditenggelami air semasa banjir. Sebagai penyelesaian inovatif, sekolah ini telah mewujudkan Filpen Club, iaitu satu program keusahawanan berasaskan filem yang mengajar murid tentang seni perfileman, pemasaran dan literasi kewangan, ekspresi kreatif, dan kemahiran kepimpinan dan, pada masa yang sama, membantu mengumpulkan dana untuk membeli sebuah bot. Sekolah ini turut bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menerbitkan beberapa filem pendek yang mengetengahkan isu-isu sosial. Salah satu filem pendek mereka telah tercalon dalam Festival Filem Seram, Screampfest di Amerika Syarikat. Hasil daripada penjualan tiket filem-filem pendek ini, SK Luagan telah mengumpul dana yang mencukupi untuk membeli sebuah bot bagi membawa murid-murid ke sekolah. Pada masa hadapan, sekolah ini bercadang untuk bekerjasama dengan syarikat penerbitan filem untuk mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan cabaran-cabaran di Sarawak seperti: kewarganegaraan, literasi, ibu bapa tunggal, banjir dan HIV.



Murid SK Luagan mempelajari seni perfileman untuk mengumpul dana membeli bot bagi meneruskan pendidikan di kampung yang sering mengalami banjir.

SK Seberang Ramai, Perlis, sebuah sekolah di luar bandar yang mengikuti program Sekolah Amanah yang terdiri daripada golongan masyarakat B40, akan bertanding dalam Kategori Kolaborasi Komuniti. Sekolah ini telah berhadapan dengan masalah defisit pembelajaran kerana murid-muridnya menghadapi kesukaran dengan pembelajaran jarak jauh semasa pandemik. Dengan bantuan Jabatan Pendaftaran Negara, sekolah ini bekerjasama dengan penduduk kampung untuk mewujudkan stesen pembelajaran

berasaskan komuniti di dalam rumah di kampung tersebut. Stesen yang berwarna-warni ini yang dianggotai oleh sukarelawan, telah mengadakan kelas memasak dan bercucuk tanam, permainan tradisional, pusat kecergasan mini, dan sebagainya. Stesen yang ceria ini telah mentransformasikan kampung tersebut yang kemudiannya, menjadi tarikan pelancong untuk menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan. Hal ini telah meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Dengan peningkatan kegiatan pelancongan ini, murid juga telah mula menghasilkan dan menjual barangan buatan sendiri, seperti makanan ringan tradisional dan kraftangan yang telah menjana pendapatan sehingga dapat mengubah kehidupan keluarga mereka.



Stesen pembelajaran yang berwarna-warni SK Sebarang Ramai telah diwujudkan di rumah untuk murid mempelajari kemahiran hidup, dan melibatkan diri dalam industri pelancongan berasaskan ekonomi, telah mengubah kampung tersebut menjadi lebih baik.

SK Kanchong Darat, Selangor, sebuah sekolah di kawasan luar bandar akan bertanding bagi kategori Gaya Hidup Sihat. Sekolah ini telah menunjukkan kemerosotan kehadiran murid selepas pandemik. Bagi menangani situasi ini, sekolah telah mengadakan program "Great Mind, Healthy Citizens" (*Minda Hebat, Warga Sihat*) yang menggalakkan kehadiran murid dan pada masa yang sama menambah baik kesihatan fizikal dan emosi mereka. Sekolah ini telah menggantikan waktu rehat biasa dengan menganjurkan pertandingan *jump rope* yang menyeronokkan yang telah menarik perhatian murid untuk kembali ke sekolah. Pendekatan berimajinasi sekolah terhadap kesejahteraan murid telah mendorong peningkatan kehadiran dengan penambahbaikan dalam pengesanan data kesihatan murid, bagi memastikan murid dapat mencapai potensi mereka di bilik darjah. Sekolah ini telah menerima pengiktirafan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan bagi kategori kecergasan, sukan dan persekitaran sekolah yang positif, yang menyumbang kepada komuniti secara keseluruhan.



Pertandingan 'jump rope' semasa waktu rehat di SK Kanchong Darat telah mendorong murid untuk kembali ke sekolah dan pada masa yang sama, menambah baik kesihatan fizikal dan emosi murid.

SK Demang Taha, Melaka, merupakan sebuah sekolah di kawasan bandar, yang terdiri daripada golongan masyarakat B40 akan bertanding dalam kategori Menangani Cabaran. Berdasarkan penilaian sekolah dan pengesanan kehadiran serta penyertaan dalam aktiviti kokurikulum tambahan, sekolah ini telah berhadapan dengan kemerosotan dalam pencapaian dan motivasi murid. Sekolah ini telah menghadapi cabaran besar sewaktu penutupan sekolah ketika pandemik, termasuk pengasingan murid dan penurunan keyakinan diri. Sekolah ini menggunakan pendekatan keseluruhan sekolah bagi menangani situasi tersebut dengan melibatkan pemimpin sekolah, kakitangan pengajar dan kakitangan bukan pengajar, murid, ibu bapa dan keluarga bagi mengadakan program Pembelajaran Berasaskan Projek untuk pelbagai mata pelajaran, yang telahpun menambah baik kehadiran, motivasi, harga diri, keyakinan dan pencapaian murid. Salah satu contoh adalah, mempelajari Bahasa Inggeris dengan menemubual pelancong dan berlatih kemahiran matematik dengan menjual jeruk mangga yang turut membantu menjana pendapatan untuk keluarga mereka.



Program Pembelajaran Berasaskan Projek di SK Demang Taha telah membina kemahiran hidup untuk murid menjana pendapatan bagi keluarga mereka.

SK Seri Permai, Pulau Pinang, terdiri daripada golongan masyarakat B40, akan bertanding bagi kategori Inovasi. Murid-murid di sekolah ini telah menghadapi cabaran kesihatan dan keselamatan kerana memikul beban beg seberat 10kg ke sekolah. Mereka telah mencipta meja *Smart and Easy* (SnET) 2.0 dengan menambah laci yang boleh dikunci di meja sekolah mereka, yang telah mengurangkan beban beg daripada 10kg kepada kurang daripada 2.5kg. Selain manfaat terhadap kesihatan dan keselamatan, murid mempraktikkan kreativiti dengan menyelesaikan masalah dunia sebenar melalui projek ini. Sekolah ini merancang untuk berkongsi ciptaan SnET 2.0 mereka dengan semua sekolah di Malaysia.



Pengubahsuaian meja yang berinovasi oleh SK Seri Permai telah menyelamatkan murid daripada masalah sakit di bahagian belakang badan kerana memikul beban beg seberat 10kg.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, Zulkifli Nordin, yang merupakan salah seorang juri berkata “Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua 15 sekolah yang tersenarai pendek bagi World Best School Prizes, Malaysia Chapter 2.0. Saya merasakan amat bangga dengan komitmen dan kreativiti semua pihak dalam melaksanakan program pendidikan yang dirancang bagi meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah masing-masing. Kesemua program yang dipertandingkan memperlihatkan kehebatan warga sekolah dalam menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh sekolah atau komuniti dengan menggunakan strategi penyelesaian di luar kotak pemikiran.

Pengarah Urusan dan Pemegang Amanah Yayasan Hasanah, Dato' Shahira Ahmed Bazari, yayasan yang telah menaja World's School Prizes untuk tahun kedua, berkata, “Anugerah filantropi penting atas beberapa sebab – memberikan bantuan kewangan kepada sekolah, dan pada masa yang sama meraikan inovasi dan kreativiti, tidak kira di mana mereka berada. Paling penting, selain memberi ganjaran bagi idea daya cipta kepada sekolah-sekolah ini, anugerah ini turut mengiktiraf peranan guru, pendidik dan belia kita untuk memberi inspirasi kepada penyelesaian dunia sebenar di peringkat global, sambil kita beranjak ke arah masyarakat yang lebih inklusif dan progresif.”

Pengarah Program Pemimpin GSL, Samuel Isaiah, yang merupakan finalis 10 Teratas bagi Varkey Foundation bernilai USD 1 juta (MYR 4.5 juta) dan UNESCO Global Teacher Prize pada tahun 2020 berkata, “Melihat sekolah mengambil inisiatif untuk mencipta perubahan positif terhadap masyarakat dan dunia pada umumnya adalah sangat mengagumkan. Ia memerlukan dedikasi, kerja keras dan kreativiti untuk menghasilkan penyelesaian inovatif bagi menangani masalah dunia sebenar. Menangani isu-isu berkaitan alam sekitar, pendidikan, komuniti, dan kesihatan adalah bidang kritikal yang memerlukan perhatian daripada semua sektor masyarakat. Dengan mengambil bahagian dalam pertandingan ini, sekolah telah menunjukkan bahawa mereka komited untuk memberi impak positif dan mencipta masa hadapan yang lebih baik untuk semua.”

“Adalah amat membanggakan apabila melihat sekolah-sekolah ini mendorong murid mereka berfikir di luar mata pelajaran akademik tradisional dan membina kemahiran yang akan mempersiapkan mereka dengan perubahan dunia yang pesat. Dengan memupuk kreativiti, pemikiran kritis, dan kemahiran menyelesaikan masalah, sekolah telah mempersiapkan

murid mereka dengan bekalan yang mereka perlukan untuk berjaya. Secara keseluruhannya, sekolah yang menyertai pertandingan ini seharusnya berbangga dengan usaha mereka dan impak positif yang mereka hasilkan. Tahniah kepada semua sekolah, dan teruskan usaha yang cemerlang!"

Pada tahun lepas, Sekolah Kebangsaan (SK) Kempadang, sebuah Sekolah Amanah luar bandar di Kampung Kempadang, Kuantan, Pahang, yang terdiri daripada murid B40, telah melonjakkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa dengan tersenarai sebagai 3 Finalis Teratas daripada 3,500 sekolah yang disenarai pendek dari seluruh dunia dalam anugerah World's Best School bagi kategori Inovasi untuk inovasi SMARTZOOM mereka yang mengesan masa-nyata kemajuan murid semasa wabak COVID ketika pembelajaran diadakan secara dalam talian.

Anugerah World Best School T4 Education meraikan kisah sekolah-sekolah yang telah mengubah kehidupan murid mereka dan membawa perubahan sebenar dalam komuniti. Peserta akan disenarai pendek oleh [Akademi Juri](#) yang terdiri daripada 207 pemimpin pendapat utama (*key opinion leaders*) dari institusi paling berprestij di seluruh dunia termasuk Forum Ekonomi Dunia, Harvard School of Education, University of Oxford, London School of Economics, YouTube, Thomson Reuters Foundation, dan akan melalui Undian Awam pada akhir tahun ini. Sekolah yang disenarai pendek dan penyelesaian hebat mereka dalam bidang pendidikan akan menerima liputan daripada organisasi berita terkemuka dunia. Hadiah ditaja oleh Accenture, Fundacao Lemann, American Express, Yayasan Hasanah, University Camilo José Cela, dan Mellby Grad.

Lima sekolah Malaysia dipilih melalui proses penyenaian pendek dan dibimbing oleh penyedia perkhidmatan sosial yang berfokuskan pendidikan, LeapEd. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan pendaftaran penyertaan daripada semua sekolah di Malaysia. 15 penyertaan terbaik menerima wang tunai berjumlah RM 10,500, manakala lima sekolah terbaik terpilih turut menerima wang tunai berjumlah RM 5,000. Juri bagi pertandingan Malaysian Chapter ialah Ketua Pegawai Strategi Yayasan Hasanah, Zaidil Hanief Mohamad Zaidi, Pengarah Program Pemimpin GSL Samuel Isaiiah, dan Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Kementerian Pendidikan, Zulkifli Nordin.

-tamat-

TENTANG YAYASAN HASANAH [PENAJA ANUGERAH THE WORLD'S BEST SCHOOL]

Yayasan Hasanah ("Hasanah") merupakan yayasan berasaskan impak bagi Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), pemegang dana negara Malaysia. Hasanah ditubuhkan sebagai entiti bebas pada 1 Julai 2015, berdasarkan sembilan tahun usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelum ini dipacu oleh Khazanah. Sebagai sebuah organisasi pemberi geran, Hasanah melangkaui ringgit dan sen untuk memudahkan ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, menyemai semangat advokasi, dan membina kapasiti dalam lima bidang fokus utama: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Persekitaran; Seni dan Ruang Awam; dan Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap dapat mengubah sosial dan komuniti rakyat Malaysia, ke arah Malaysia yang lebih baik. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.yayasanhasanah.org

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi :
Zeffri Mohd Yusof, 013-720 3312, zefri.yusof@hasanah.org.my

TENTANG LEAPED SERVICES SDN BHD

LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd) merupakan penyedia perkhidmatan pendidikan tempatan yang pertama di Malaysia dan perusahaan sosial yang dipercayai. Matlamat LeapEd adalah untuk membangunkan para pelajar secara holistik dengan kompetensi abad ke-21 serta sekolah yang

dilengkapi dengan amalan pendidikan yang mampan. LeapEd percaya bahawa setiap kanak-kanak berhak mendapat masa depan yang cerah. Oleh itu, LeapEd bekerjasama rapat dengan rakan strategik dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kerjasama awam-swasta yang memberi tumpuan terhadap transformasi sekolah secara menyeluruh dan pembelajaran berpusatkan murid untuk merealisasikan potensi setiap pelajar.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, LeapEd telah mereka bentuk dan melaksanakan pelbagai model seperti District Transformation Programme-AMAN (DTP-AMAN), Islamic School Enhancement Programme (ISEP), Ground-up School Transformation Programme (GUSTO), Program Sekolah Transformasi (PreSTasi), Supporting Remedial English Students in Primary Schools (ESRI), CyberWira serta Program Sekolah Amanah (PSA) yang pertama di negara ini. Sejak pelaksanaannya, program ini telah memberi impak kepada lebih 223,450 orang murid, 10,600 orang guru dan 1045 buah sekolah meliputi 15 buah negeri di seluruh Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.leapedservices.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Susan Tan, 019-5731688, susan.tan@vantagecomms.com